



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Utusan Malaysia - Bajet 2008 Lonjak Industri Perikanan

Utusan Malaysia - Bajet 2008 Lonjak Industri Perikanan

🕒 Khamis, Nov 09 2017



📖 BISNES

🏢 AGENSI

👤 WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Bajet 2018 lonjak industri perikanan

BAJET 2018 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini memberi satu sinar baharu kepada kumpulan sasar Jabatan Perikanan Malaysia iaitu penternak ikan dan nelayan dalam menjana ekonomi baharu mereka.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan, **Datuk Munir Mohd. Nawi**, bajet yang bertemakan *Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Rakyat Menuju TN50* adalah tepat kerana limpahan bajet tersebut dapat dirasai semua lapisan terutama penternak ikan dan nelayan.

Tambah Munir lagi, daripada RM6.5 bilion yang diumumkan pada bajet kali ini, sebanyak RM133 juta adalah diperuntuk kepada Jabatan Perikanan khusus untuk menjana peluang kekayaan baharu melalui perikanan.

"Kerajaan memperuntuk RM55 juta bagi pembangunan industri akuakultur terutama melalui inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang menyasarkan pengeluaran sebanyak 888,200 tan metrik melibatkan hampir 22,000 pengusaha. Ini sekali gus dapat menjana peluang pekerjaan sebanyak 18,000 kekosongan pelbagai lapisan yang memberi sumbangan signifikan kepada industri perikanan," ujarnya.

Munir berkata, bagi industri laut dalam dan tuna, sebanyak RM7.5 juta diperuntuk dengan sasaran pengeluaran iaitu 523,000 tan metrik dan melahirkan 2,000 tenaga mahir tempatan.

Bagi pengawalan sumber perikanan bagi memastikan kelestarian sumber ikan untuk generasi akan datang, sebanyak RM2 juta diperuntuk dalam bajet 2018.

Kerajaan juga prihatin terhadap keluh kesah nelayan termasuk nelayan darat, elaun sara hidup nelayan darat berjumlah RM200 setiap bulan diberikan kepada hampir 5,200 orang diteruskan dengan bajet



MUNIR MOHD NAWI

sebanyak RM12 juta. Untuk menampung beban kenaikan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan pengusaha perikanan, bantuan titik sentuhan dalam bentuk input dan peralatan diberikan kepada 7,000 pengusaha diteruskan dengan nilai kira-kira RM14 juta.

Penyelidikan dan inovasi merupakan komponen penting kepada sesuatu sektor dalam menghasilkan penemuan baharu di samping kajian seperti pentaksiran sumber perikanan untuk pengurusan sumber perikanan di Malaysia.

Oleh demikian, sebanyak RM27.95 juta telah diperuntuk dalam bajet 2018.

"Dalam Bajet 2018 ini, kerajaan begitu mengambil

Kerajaan memperuntuk RM55 juta bagi pembangunan industri akuakultur terutama melalui inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang menyasarkan pengeluaran sebanyak 888,200 tan metrik melibatkan hampir 22,000 pengusaha."

berat terhadap penternak ikan dan nelayan dengan pelbagai insentif dan bantuan disalurkan kepada mereka," kata Munir.

Kementerian Kewangan Malaysia

No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

☎ 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian |

Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

